

Arahan : Anda dikehendaki untuk menarik jawapan ke tempat kosong dengan betul.

Amalan Gaya Hidup Mesra Alam.

Amalan gaya hidup mesra alam merupakan satu amalan yang amat digalakkan bagi menjamin kesejahteraan alam sekitar dan juga bumi. Amalan ini membantu untuk mengekalkan kesihatan bumi dari bahan buangan, pencemaran udara, pembangunan yang tidak mesra alam dan lain-lain lagi. Beberapa amalan gaya hidup mesra alam yang boleh dipraktikkan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian mereka.

Antaranya ialah mengumpulkan _____ dan lain-lain yang terdapat ditempat tinggal kita. Barang-barang terpakai yang dikumpulkan ini boleh dihantar ke pusat kitar semula. Kitar semula mempunyai banyak kebaikan seperti membantu memelihara alam sekitar supaya _____.

Seterusnya, kita haruslah berjimat cermat dalam menggunakan air semasa membersihkan diri. Contohnya, kita digalakkan untuk menggunakan _____ daripada menggunakan _____. Hal ini demikian kerana air pancuran menggunakan kuantiti air yang lebih sedikit jika dibandingkan dengan air takungan yang digunakan semasa mandi.

Selain itu, kita juga disarankan untuk menggunakan _____ sebagai sumber cahaya dirumah. Mentol cekap tenaga ini dicipta untuk menjimatkan lagi penggunaan elektrik dirumah dan lebih selamat untuk digunakan. Apabila penggunaan elektrik berkurang, wang kita juga akan dapat diijimatkan tambahan pula keselamatannya adalah lebih terjamin.

Kesimpulannya, amalan gaya hidup mesra alam ini amat seronok untuk diamalkan dalam kehidupan seharian kita. Amalan ini bukan sahaja dapat menjimatkan tenaga dan wang kita, malah membantu untuk mengurangkan pencemaran yang berlaku pada bumi kita ini. Oleh itu, bumi akan menjadi semakin sihat dan seterusnya dapat membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera dan selamat.

- + air takungan
- + kertas, surat khabar, bekas tin minuman, botol plastik
- + mentol cekap tenaga
- + tidak berlaku pencemaran
- + air pancuran